



**1. KETUA PASUKAN  
JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
D.1-2 EB.3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = 1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.

**ATAU**

- b) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pengawas Kecil atau Tukang Pancut atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 6 tahun.
2. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA PASUKAN:**

1. Sentiasa membuat pengawasan/mengetuai satu pasukan terhadap pekerja Tukang Pancut semasa membuat kerja-kerja penyemburan dan pengasapan racun serangga.
2. Bertanggungjawab memastikan kedatangan dan disiplin Tukang pancut dalam keadaan yang memuaskan dari semasa ke semasa.
3. Membuat keputusan yang perlu dan munasabah apabila pekerja menghadapi masalah yang bersangkut paut dengan tugas harian atau penukaran tempat bertugas dan sebagainya.
4. Sentiasa menentukan pekerja Tukang Pancut memakai alat keselamatan sebelum membuat tugas-tugas penyemburan dan pengasapan racun serangga.



5. Membuat permohonan kerja lebih masa dan *time sheet* dari bulan kesebulan.
6. Memastikan alat kelengkapan kerja harian dalam keadaan baik dan sedia untuk digunakan dari semasa ke semasa.
7. Memangku tugas-tugas Pembantu Kesihatan sekiranya Pembantu Kesihatan Unit bercuti atau berkursus.
8. Membantu melaksanakan kerja-kerja yang bersangkut paut dengan urusan pejabat.
9. Sentiasa bersedia untuk bertugas di luar daerah pada bila-bila masa jika diperlukan ketika diluar waktu bertugas.
10. Sentiasa menjaga disiplin dan menunjuk teladan yang baik kepada pekerja-pekerja bawahan.